

**Berterima kasihlah kerana kerajaan bina PPR
Free Malaysia Today
Jun 9, 2016
Khairil Ashraf**

Terjemahkan rasa syukur kepada sokongan kepada kerajaan yang berusaha menyediakan kemudahan perumahan

KUALA LUMPUR : Berterima kasihlah kepada kerajaan yang berusaha menyediakan kemudahan perumahan rakyat untuk golongan berpendapatan rendah dan setinggan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Zahid Hamidi berkata rakyat berpendapatan rendah dan setinggan dapat menikmati bumbung diatas kepala mereka lantaran usaha berterusan kerajaan itu.

“Kita lihat di negara jiran bagaimana keadaan berlaku apabila tidak ada rumah PPR (Projek Perumahan Rakyat), tidak ada rumah untuk rumah untuk orang awam. Segalanya ditanggung sendiri.

“Yang berpendapatan rendah, berada di garis kemiskinan, tidak mampu untuk duduk di rumah yang selesa sebagai mana yang kita duduk sekarang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis bersama komuniti Setiawangsa di Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Lantas, atas kesedaran itu, rakyat yang menikmati hasil usaha itu perlulah rasa bersyukur dan menterjemahkan penghargaan mereka dengan menyokong kerajaan.

“Rasa terima kasih mesti diterjemahkan dengan dokongan kita kepada pihak yang mengusahakan perkara ini,” katanya.

Zahid akui kerajaan tidak mampu memuaskan hati semua pengkritiknya.

“Janganlah dengar mereka yang tidak berpuas hati.

“Apabila perasaan tak puas hati sering didendangkan dan sering dipalingkan maka ia sentiasa tidak berpuas hati dan tidak pernah berasa senang,” tegasnya

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/09/berterima-kasihlah-kerana-kerajaan-bina-ppr/>